

Fahami penderitaan umat Islam: PM

BH 14 DEC 2002

Daripada Mutazar Abd Ghani

TOKYO, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak masyarakat dunia ke meja rundingan dan berusaha secara jujur untuk memahami serta menangani isu yang dihadapi umat Islam dalam usaha mewujudkan keamanan sejagat.

Perdana Menteri berkata, selagi masalah serta penderitaan orang Islam tidak diberi perhatian sewajarnya, tiada dialog dan keamanan dapat diwujudkan di seluruh dunia.

Katanya, isu membabitkan orang Islam termasuk didakwa terbabit dalam aktiviti keganasan, berakar umbi akibat penderitaan dan penindasan yang dialami sejak sekian lama serta tidak mendapat layanan adil daripada kuasa besar.

"Mengenakan syarat tidak adil terhadap orang Islam bukanlah satu dialog untuk keamanan. Kerajaan mereka mungkin dipaksa untuk bersetuju, tetapi tidak rakyat mereka.

"Ini sekali gus mendorong sebahagian mereka untuk meneruskan perjuangan dalam apa juga cara yang mereka mampu," katanya dalam ucapan bertemakan 'Islam: Memupuk Keamanan dan Dialog dalam Dunia Yang Saling Memerlukan' pada Simposium Mengenai Islam di sini, hari.

Seminar sehari itu yang diadakan di Universiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU), dianjurkan universiti itu dan duta dari anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) serta disokong oleh Kementerian Luar Jepun. Ia dihadiri kira-kira 500 peserta dari pelbagai negara.

Dr Mahathir berkata, tindakan pihak tertentu merampas tanah milik orang Islam dan penindasan terhadap mereka di seluruh dunia sejak berakhir Perang Dunia Pertama lagi juga menjurus kepada masalah berkenaan.

Katanya, ini termasuk tindakan Yahudi merampas tanah dan harta benda orang Islam di Palestin serta pembunuhan rakyat negara itu. Beliau berkata, penindasan dan sekatan terhadap orang Islam juga berlaku di Bosnia-Herzegovina, Iraq, Iran, Sudan dan Asia Tenggara.

Penindasan terhadap orang Islam, katanya, semakin ketara dan berleluasa, terutama selepas peristiwa 11 September 2001.

"Tindakan berat sebelah dan tidak adil itu menimbulkan kemarahan, kesengsaraan dan kekecewaan di kalangan umat Islam. Akibatnya, sudah tentu mereka bertindak balas terhadap pihak yang menindas mereka.

"Menyedari ketidakupayaan mereka untuk menentang musuh menerusi peperangan secara konvensional, orang Islam terbabit memilih cara lain, termasuk serangan penganas-

Jepun boleh jadi 'orang tengah' selesai konflik

BH 14 DEC 2002

DARI MUKA 1

"Masyarakat Islam mengutuk tindakan keganasan itu, seperti orang bukan Islam dan mereka (orang Islam) menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama memerangi keganasan. Namun, sumbangan itu tidak membebaskan mereka daripada syak wasangka dan ancaman serangan oleh pihak yang mereka jalin kerjasama itu," katanya.

Pada sesi soal jawab pula, Dr Mahathir berkata, Jepun boleh bertindak sebagai 'orang tengah' bagi mengatasi konflik membabitkan masyarakat Islam dan bukan Islam, terutama berhubung isu keganasan.

Perdana Menteri berkata buat masa ini Jepun berada pada kedudukan baik untuk memainkan fungsi berkenaan kerana negara ini tidak menjadi sasaran penganas-

Katanya, Jepun juga mempunyai

hubungan baik dengan negara Islam, termasuk negara Arab dan Barat seperti Eropah serta Amerika Syarikat.

"Apa yang kita harap Jepun mengimbangi (antara negara Islam dan bukan Islam).

Anda (Jepun) tidak bersengketa dengan negara Arab, anda juga tidak bersengketa dengan Barat, anda tidak bersengketa dengan sesiapa... tapi, anda perlu rasional untuk menilai mengapa perkara seumpama ini berlaku.

"Bagi saya, mesti ada sebab apabila berlaku sesuatu... jika orang Arab sebelum ini bukan penganas, tapi mereka kini bersedia untuk mengorbankan diri bagi menentang Israel atau Amerika.

"Mesti ada sebab kenapa perkara itu berlaku dan puncanya ialah mereka (Arab) merasakan orang Amerika, Yahudi dan Eropah tidak berlaku adil terhadap mereka. Jadi, Jepun boleh memu-

juk rakannya di Amerika capai," katanya.

Dr Mahathir berkata, usi-nya meningkatkan kekuatan keteknologi seiring dengan p- bukanlah jawapan secar- bangan ketamadunan m- bagi menangani masalah i- beliau berkata, pencapai- bitkan keganasan. kedua-dua bidang berkena-

"Apa yang penting kit- lah lebih pantas daripada p- menyelesaikan masalah- bangan tamadun manusia. pan orang Islam bahawa- adalah ditindas. Jadi, ini- pat segala-galanya dan yang- peranan yang boleh dimair- akan kehilangan segala-gal-

pun," katanya. Menjawab soalan sama a- capaian dalam bidang sai- tekologi seiring dengan p- bangan ketamadunan m- beliau berkata, pencapai- kedua-dua bidang berkena- lah lebih pantas daripada p- bangan tamadun manusia.

Katanya, ini terbukti apal- sih ada negara yang menga- sikap 'siapa kuat, ia akan- pat segala-galanya dan yang- akan kehilangan segala-gal-